

Headline	RM6.45 juta baik pulih Tasik Chini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	06 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	17	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	412 cm ²
Journalist	KHAIRULMIZAN YAHYA	AdValue	RM 10,733
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,199



Program pemulihan meliputi pembangunan sosio ekonomi Orang Asli

RM6.45 juta baik pulih Tasik Chini

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

PEKAN – Sebanyak RM6.45 juta digunakan bagi melaksanakan program pemulihan Tasik Chini merangkumi empat komponen utama yang telah dimulakan sejak empat tahun lalu.

Timbalan Pengarah Pembangunan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Samsu Anuar Nawi berkata, komponen pertama membabitkan program penghijauan kawasan terosot seluas lebih 200 hektar yang melenakan belanja kira-kira RM3.95 juta.

"Projek berkenaan membabitkan aktiviti menanam semula pelbagai spesies pokok hutan termasuk pokok penutup bumi di kawasan lapang dan terbuka yang mana usaha berkenaan kini menampakkan kejayaan memuaskan."

"Komponen kedua membabitkan aktiviti pemulihan kawalan hakisan dan mendapan tanah dalam zon penampungan Tasik Chini sepanjang lebih 1.75 kilometer dengan perbelanjaan sebanyak RM2.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sesi lawatan kerja Timba-



ZAHARI (dua dari kiri) dan Samsu Anuar melawat projek tanam semula bagi mencegah hakisan di Tasik Chini.

lan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPMSM), Datuk Zahari Ibrahim ke kawasan pemulihan Tasik Chini di sini semalam.

Tambahnya, komponen ketiga membabitkan pembangunan sosio ekonomi masyarakat Orang Asli yang menetap di kawasan Tasik Chini agar mereka tidak dipinggirkan.

Menurut Samsu Anuar komponen terakhir ialah dengan mengadakan kempen kesedaran pemeliharaan hutan di kawasan ceroboh di Tasik Chini secara berterusan dalam usaha

memulihkan kawasan berkenaan yang menjadi antara produk pelancongan terkenal negeri ini.

Beliau memberitahu, sebelum ini usaha memulihkan kawasan Tasik Chini dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang antaranya menanam pokok buluh dan teratai dalam Tasik Chini bagi mengekalkan keindahan tasik semula jadi itu.

Sementara itu, Penolong Pengarah Silvicultur (Zon Pahang Timur D JPNP, Nurfaizla Kamarulbahrin berkata, program menanam pokok hutan spesies merawan siput jantan, meranti temak nipis dan batak serta penutup bumi kini dilakukan secara berterusan dalam memastikan projek berkenaan selesai dalam masa ditetapkan.

"Kerja pembinaan kawalan hakisan dan mendapan tanah dalam zon penampungan Tasik Chini sepanjang lebih 1.75 kilometer kini turut giat dilakukan. Pokok penutup bumi yang ditanam bagi tujuan mengawal kejadian hakisan serta aliran air secara berlebihan telah terbukti berjaya," ujarnya.